

16/03/1999

Pelabur Britain perlu ubah sikap

Azizi Othman in London

LONDON, Isnin - Masyarakat pelabur Britain perlu mengubah kecenderungan mereka untuk mengambil pendekatan tunggu dan lihat terhadap kedudukan ekonomi Malaysia sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan di sana.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain, Datuk Mohamad Amir Jaafar, berkata walaupun mereka tidak meragui potensi Malaysia untuk memulihkan ekonominya, masih ramai yang enggan melabur pada peringkat ini.

"Berdasarkan perbincangan kami dengan masyarakat perniagaan dan pelaburan di Britain, dua kesimpulan utama dapat dibuat," katanya berucap di mesyuarat Majlis Perniagaan Malaysia-Britain (MBBC), di sini hari ini.

Mohd Amir berkata, pertamanya, dalam perbincangan itu, semua pelabur Britain berminat mengetahui rancangan pemulihan ekonomi Malaysia yang diambil oleh kerajaan dan mereka diberi penjelasan sewajarnya.

"Kesimpulan kedua ialah, dari segi keputusan pelaburan, sebahagian besar mereka lebih suka tunggu dan lihat.

"Memang tiada yang bimbang tetapi mereka lebih suka untuk memerhati apa yang berlaku dan biasanya ia berakhir dengan pulihnya keyakinan terhadap ekonomi Malaysia," katanya.

Mesyuarat MBBS itu, yang pertama kali diadakan, dianjurkan bersama oleh Asia House dan Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli) dan dipengerusikan Sir Patrick Gillam dan Mirzan Mahathir.

Antara ahli MBBC yang hadir termasuk Pengerusi Admiral Plc, Clay Brendish; Ketua Eksekutif British Petroleum, Bryan Sanderson; Ketua Eksekutif Prendential Plc, Mark Tucker dan Naib Canselor Unversiti Cambridge, Profesor Sir Alec Broers.

Di pihak Malaysia, ia turut dihadiri Ketua Eksekutif Antah Holdings, Tunku Tan Sri Imran Tuanku Jaffar; Pengarah Urusan Kumpulan YTL Corp, Tan Sri Francis Yeoh dan Pengerusi Hong Leong, Tan Sri Quek Leng Chan.

(END)